

Bank dagang tempatan masih ketinggalan: PM

BT 1 Nov 1984

KUALA LUMPUR. Rabu — Rank-bank perdagangan tempatan, walaupun kini menguasai industri kewangan negara dengan pembabitannya yang luas, masih ketinggalan di segi kecukupan dan keuntungan berbanding bank-bank asing yang kecil ditubuhkan di negara ini, kata Perdana Menteri. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad,

Berucap di jamuan makan malam insitisi kewangan dan bank di sini malam tadi Perdana Menteri menjelaskan, keuntungan bersih setiap pekerja dalam bank tempatan tahun 1982 hanya \$19,000 berbanding \$32,600 bagi bank asing, walaupun kos bagi setiap kakitangan bank asing hampir 40 peratus lebih tinggi.

"Dengan keadaan itu, kini tiba masanya bagi bank-bank tempatan memperbaiki diri mereka dan sentiasa beringat bahawa tidak ada sebarang institusi kewangan boleh berpuas hati dalam keadaan persaingan yang kian sengit," jelas beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap mereka yang bergiat dalam industri itu terus meningkatkan prestasi untuk memperbaiki keadaan ekonomi masa depan.

Nilai tambahan bagi sektor itu meningkat pada purata 7.3 peratus setahun berbanding 6.4 peratus bagi keseluruhan negara dan 6.2 peratus untuk sektor pembuatan yang semakin menggalakan.

Sejak tahun 1979, peluang pekerjaan yang disediakan oleh bank-bank perdagangan sahaja telah meningkat kepada purata 12.9 peratus setahun, iaitu hampir 35,000 orang sehingga akhir tahun 1983.

Aset kasar

Menurut Perdana Menteri, jumlah aset meningkat daripada \$25,000 juta kepada \$60,000 juta dalam tempoh yang sama, sementara jumlah hasil meningkat pada kadar purata yang sama, iaitu 24 peratus setahun kepada \$5,300 juta dalam tahun 1983.

Kedudukan itu menjadikan aset kasar kewangan bagi bank hampir menyamai setengah daripada pendapatan negara.

Keuntungan sebelum cukai meningkat dua kali ganda daripada \$342 juta dalam tahun 1979 kepada

hampir \$700 juta tahun 1982, iaitu kenaikan pada kadar 22 peratus setahun.

Perdana Menteri menambah, pertumbuhan itu juga jelas mempengaruhi keuntungan yang diterima oleh syarikat-syarikat kewangan dan bank saudagar, iaitu masing-masing meningkat 42 dan 45 peratus tahun 1983.

Jumlah aset bagi setiap pekerja bank telah meningkat hampir 50 peratus kepada \$1.7 juta dalam tahun 1983 sementara aset kos setiap kakitangan bagi setiap ringgit meningkat 15 peratus dalam tempoh yang sama.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, walaupun industri itu mesti menekankan kepada daya pengeluaran yang tinggi, tetapi mereka tidak boleh lupa bahawa sistem kewangan adalah satu sektor perkhidmatan yang memberi sumbangan kepada sektor perlombongan, pembuatan dan pertanian.

Beliau juga menyeru bank tempatan menyediakan lebih banyak pembiayaan mombeli kuiti yang baru diperkenalkan ke sektor itu di negara ini dan bukan terbatas kepada perkhidmatan yang biasa, termasuk menyediakan modal kerja dan kemudahan overdraf.